

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG (KEPONG)

TARIKH : 5 OGOS 2020

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan Dan Salah Laku Polis (IPCMC) dan sama ada anggota polis yang bertugas diwajibkan untuk memasang kamera video jenis “bodycam”.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 April 2020 bersetuju supaya tanggungjawab RUU IPCMC diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN). Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri, KDN telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Kajian (JKK) yang turut dianggotai oleh wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM). Rang undang-undang baharu ini dicadang untuk dibentangkan di sesi Dewan Rakyat setelah mendapat persetujuan Jemaah Menteri.

Berhubung perancangan penggunaan “*body camera*”, buat masa ini, Kerajaan sedang membuat kajian keperluan dan peruntukkan yang terlibat sebelum keputusan dasar dapat dibuat.